



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	30/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	-			

Lombong haram di Lipis disita

UPNP berjaya gagalkan aktiviti berkenaan selain sita peralatan melombong

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) berjaya mengesan dan menggagalkan aktiviti perlombongan dipercayai secara haram di atas tanah kerajaan Pahang di Lipis pada Selasa.

Perkara itu dimaklumkan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menerusi laman Facebook rasmi miliknya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada UPNP di atas kejayaan itu.

“Ucapan tahniah juga kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak yang sanggup turun padang menyertai operasi risikan yang dilakukan sehari sebelumnya.

“Semasa anggota-anggota

UPNP memasuki kawasan, tiada sebarang aktiviti dilakukan tetapi terdapat kesan aktiviti disyaki melombong,” katanya.

Wan Rosdy menjelaskan hasil operasi itu, pihak UPNP menyita beberapa kenderaan yang berada di kawasan terabit iaitu sebuah jengkaut, sebuah pam air dan dua motosikal.

“Saya dimaklumkan, di bawah Seksyen 158 Enakmen Mineral Negeri Pahang 2001 jika Notis Sitaan dituntut oleh perlombongan disyaki haram serta sabit kesalahan, boleh dikenakan



WAN ROSDY

denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau keduanya.

“Sekiranya Notis Sitaan tidak dituntut pula, Seksyen 141 Enakmen yang sama menetapkan bahawa proses pelucutan benda-benda yang disita boleh diambil,”

katanya.

Dalam pada itu, Wan Rosdy berkata, sepanjang tahun ini, UPNP berjaya menyita 27 jentera excavator; 26 lori, 24 pam air, tiga palang dan lima set mesin pemecah batu.

“Kesemua barangan yang disita dianggarkan bernilai RM2.2 juta,” katanya.



Status yang dimuat naik di laman sosial Facebook miliknya.